

22 JUN 1998

Mahathir-Rahim

RAHIM BERHAK AMBIL TINDAKAN MAHKAMAH, KATA PERDANA MENTERI

SHAH ALAM, 22 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik berhak mengambil tindakan mahkamah terhadap anggota Umno Ruslan Kassim yang mendakwa Rahim menyewakan premis perniagaan kepada penerbit buku bertajuk "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh jadi Perdana Menteri".

Beliau berkata negara berpegang kepada konsep "Rule of Law" yang mana sebarang tindakan undang-undang yang diambil mesti mengikut cara-cara yang dibenarkan.

"Saya tidak ada apa nak komen (berhubung perkara itu), itu hak dia, dia nak buat apa ka..... ikut undang-undang sudahlah," katanya dalam sidang berita selepas merasmikan majlis pelanggan ke sejuta Proton di ibupejabat EON, jalan Kerjaya, Glenmarie dekat sini, hari ini.

Pagi ini, Rahim berkata beliau akan mengambil tindakan saman malu terhadap Ruslan Kassim yang mewakili Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan yang ketika membahaskan usul ucapan dasar presiden pada Perhimpunan Agung baru-baru ini mendakwa bahawa penerbit buku kontroversi itu menggunakan premis syarikat yang dimiliki oleh Rahim dan isterinya untuk menerbitkan buku yang dilarang pengedarannya oleh mahkamah.

Mahathir berkata, sebelum ini beliau telah menasihatkan kepada semua perwakilan bahawa mereka mesti bertanggungjawab apabila membuat sebarang ucapan.

"Sebab itu awal-awal lagi saya bagi nasihat supaya kita semua bertanggungjawab, jangan kita tuduh orang lepas tu bila orang ambil tindakan, kita marah, tak boleh lah..." katanya.

Sementara itu Mahathir berkata, kerajaan akan meneruskan amalan mempamerkan senarai penerima kontrak kerajaan sekiranya rakyat mahukan kerajaan berbuat demikian.

"Tapi orang ramai mesti dedahkan semua juga, jangan hanya suruh kerajaan sahaja yang dedahkan, press pun kena dedahkan, termasuk peniaga matawang, semua kena bagi tahu juga siapa dia yang berniaga ini," katanya.

Sementara itu merujuk kepada khabar angin berhubung pemilikan saham oleh Syarikat General Motor dalam Proton, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu menahu mengenai perkara itu dan menganggap ia sebagai khabar angin sahaja.

"Rumour macam-macam kita dengar, kita tidak tolak tetapi kita kena jagalah kepentingan kita, kita nak ada identiti kita, kalau tidak kita akan keluarkan kereta yang dimiliki atau dicipta syarikat asing," katanya.

"Semua syarikat, bukan sahaja bidang automobil, sekarang ini alirannya ialah mesti menjadi sebahagian daripada syarikat yang besar," katanya. --

BERNAMA

AZH PR